

Labur di negara Islam kurang berkemampuan

Oleh FAUZI JAAFAR

PETALING JAYA 2 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya negara Islam yang kaya melabur dalam bentuk infrastruktur di negara-negara Islam yang kurang berkemampuan bagi menjana kekayaan muslim.

Bekas Perdana Menteri berkata, pelaburan itu akan menghasilkan peluang pekerjaan dan perniagaan dan membantunya keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Infrastruktur akan menjana kekayaan. Malah ketika dalam pembinaan ia akan menghasilkan peluang pekerjaan perniagaan di negara-negara miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan khas makan tengah hari dan dialog pada Forum Ekonomi Dunia Islam di sini hari ini.

Beliau menyampaikan ucapan yang bertajuk *Pembaharuan Islam: Kemungkinan, Sinergi Dalam Tindakan, Kemajuan Untuk Semua* di sini hari ini.

Turut hadir, isterinya



MAHATHIR MOHAMAD diiringi Musa Hitam masuk ke dewan sebelum memberi ucapan khas makan tengah hari dan dialog pada Forum Ekonomi Dunia Islam di Petaling Jaya, semalam.

Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Penganjur Bersama Forum Ekonomi Dunia Islam, Tan Sri Musa Hitam.

Dr. Mahathir berkata,

infrastruktur seperti landasan keretapi, jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, loji janakuasa elektrik, bekalan air amat diperlukan oleh ne-

gara-negara Islam yang miskin.

"Dengan pengurusan infrastruktur yang baik, ia akan menghasilkan kesan gandaan dan pertum-

buhan dalam ekonomi negara-negara Islam yang miskin," katanya.

Beliau juga mencadangkan negara Islam yang kaya dan kurang penduduk supaya membangunkan sumber manusia di negara-negara Islam yang miskin tetapi ramai penduduk.

"Sekolah, Universiti dan institut latihan kemahiran perlu dibina dan lebih banyak biasiswa perlu disalurkan untuk menghasilkan sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran yang boleh bekerja di negara mereka atau negara yang melahirkan skim itu," jelas beliau.

Pada sesi dialog, Dr. Mahathir berpendapat negara Islam yang kaya tidak boleh menjadi penderma kebajikan selamanya kepada negara Islam yang miskin.

"Saya tidak suka memberi secara percuma. Anda tidak dapat dengan percuma tanpa bekerja, saya percaya dengan bekerja akan boleh mendapat sesuatu," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru negara kaya menghasilkan peluang pekerjaan untuk negara-negara Islam yang miskin.